

## 20

### *Penggunaan Aplikasi Nearpod dalam Penulisan Karangan*

**Hajjah Marzia Abdul Rahman**

Hajjah\_marzia@moe.edu.sg

**Atikah Adilah Ahmad Affandi**


atikah\_adilah\_ahmad\_affandi@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fuchun

#### *Abstrak*

Murid Darjah 3 didapati agak sukar menulis karangan yang baik dan lengkap. Penguasaan kosa kata dan juga pengalaman mereka agak terhad untuk berupaya menjana idea bagi penulisan karangan yang baik. Kajian ini melibatkan murid Darjah 3 dan bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan *Nearpod* bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dan memperkukuh cara murid menyusun jalan cerita agar murid dapat menghasilkan sebuah karangan yang baik dan bermutu. Dapatan kajian menunjukkan 93% murid meraih peningkatan lima hingga tujuh markah bagi karangan yang dihasilkan pada peperiksaan akhir tahun. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan motivasi murid dalam penulisan karangan agar mereka lebih yakin dan mahir dalam melahirkan hasil karya yang lebih menarik.

Kata Kunci: Karangan, motivasi, *Nearpod*, kosa kata, penulisan



## PENGENALAN

Pengamatan tentang pencapaian murid-murid Darjah 3 dalam penulisan karangan menunjukkan bahawa rata-rata hasil penulisan mereka agak lemah kerana mereka kurang berpengalaman dalam penulisan karangan dan tidak memiliki kosa kata yang luas berkaitan gambar sebagai bahan stimulus yang diberikan. Pengalaman dan kosa kata adalah antara faktor penting untuk membantu murid menulis sebuah karangan yang baik. Guru-guru juga mendapati bahawa murid sering kali menulis idea yang berulang-ulang untuk mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan.

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan strategi dan alat bantu mengajar yang sesuai bagi menangani masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan karangan. Pihak sekolah mengalukan pengajaran menggunakan alat bantu mengajar seperti teknologi maklumat. Guru-guru mencari alat bantu mengajar yang paling sesuai agar dapat menyelesaikan cabaran yang dihadapi.

Sejajar dengan objektif ICT Masterplan 4 bagi meningkatkan kecekapan murid dalam pembelajaran sendiri dan kolaboratif, aplikasi *Nearpod* telah digunakan. Aplikasi ini memberikan ruang kepada guru-guru untuk merancang pengajaran karangan secara interaktif agar pembelajaran dapat meningkatkan minat murid dan memberikan pengalaman belajar yang menyeronokkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Sesuai dengan hasil pembelajaran yang dinyatakan dalam kurikulum Bahasa Melayu, seseorang murid harus mampu menulis teks berdasarkan panduan atau rangsangan. Beberapa usaha telah dijalankan untuk memupuk kemahiran menulis dalam diri murid. Namun, kerana latar belakang murid berbeza-beza, murid masih memerlukan bantuan lain dalam melengkapkan tugas menulis.

Murid didapati kurang pengalaman sedia ada dalam banyak perkara dan mempunyai kosa kata yang terhad. Mereka juga kurang berkeyakinan untuk menyelesaikan tugas menulis karangan kerana ketandusan idea. Murid dilihat tidak bermotivasi dan kurang terangsang untuk menulis karangan kerana kekurangan-kekurangan tersebut. Pengalaman sedia ada dan kosa kata mengenai cerita yang perlu ditulis penting untuk membolehkan murid melengkapkan karangan mereka. Secara tidak langsung, jika kekurangan ini



dapat diatasi, keyakinan diri dan motivasi murid dapat ditingkatkan.

Melalui pemantauan dan tinjauan, murid juga didapati kurang memahami teknik pemerenggan. Murid juga sering menulis idea yang berulang-ulang untuk mencapai jumlah perkataan yang diperlukan.

Kajian ini cuba menyuntik keseronokan dan kerjasama dalam pembelajaran karangan selain menggunakan peranti *iPad*, yang memang disukai murid. Kajian ini memberikan murid pengalaman baharu dan suasana pembelajaran yang positif. Dengan aktiviti yang disediakan, murid juga dapat meningkatkan kosa kata dan idea semasa penulisan karangan. Guru-guru juga dapat meningkatkan kemahiran mereka menggunakan alat bantu mengajar yang mereka gemari.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:


1. melihat keberkesanan penggunaan aplikasi *Nearpod* bagi merangsang dan meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan karangan; dan
2. menyediakan pengalaman simulasi melalui '*virtual reality*' (VR) yang berkaitan dengan gambar bersiri bagi membantu murid menimba pengalaman untuk meluaskan kosa kata dan idea bagi penulisan karangan.

## KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian telah dijalankan oleh sekolah-sekolah di Singapura dengan menggunakan aplikasi *Nearpod*. Kajian yang dijalankan di sekolah-sekolah tersebut mendapati bahawa aplikasi *Nearpod* menjadi alat rangsangan dan pembelajaran sendiri yang efektif.

Aplikasi *Nearpod* mampu meningkatkan keinginan murid melakukan tugas tanpa memerlukan dorongan. Sikap murid amat positif apabila penggunaan *iPad* dan aplikasi *Nearpod* dijalankan. Mereka mahu mencuba melakukan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Menurut Larson (2010), McClanahan, Williams, Kennedy dan Tate (2012), Siegle (2012), alat digital dapat membuat murid lebih fokus dan memberikan



perhatian semasa belajar di dalam kelas. Alat tersebut juga dapat meningkatkan motivasi dalam diri murid untuk membaca sesebuah teks. Ini berlaku kerana murid sememangnya gemar belajar menggunakan iPad dan apabila mereka diberikan peluang tersebut, mereka lebih memberikan perhatian pada pelajaran.

Larson (2010) juga mengatakan bahawa fungsi-fungsi yang terdapat dalam alat digital dapat membantu murid lebih memahami teks yang dibaca. Teks dan ilustrasi yang digunakan dapat dilihat murid pada skrin peranti mereka. Malah, mereka juga dapat mengubah saiz teks yang dilihat agar sesuai dengan keselesaan murid. Dengan yang demikian, mereka lebih terdorong untuk belajar.

Delacruz (2014) pula melaporkan bahawa kajian penggunaan *Nearpod* menunjukkan murid lebih gemar menggunakan aplikasi tersebut kerana ia interaktif dan mempunyai ciri-ciri menghiburkan. Kajian yang dijalankan sememangnya mempunyai ciri-ciri interaktif. Murid dapat menyelesaikan aktiviti yang dirancang dan guru juga dapat menilai pembelajaran dengan efektif.


## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian merupakan 30 murid Darjah 3. Murid-murid ini berada di dalam kelas yang melebihi aras kebolehan. Walaupun begitu, pengkaji berasa bahawa kumpulan murid ini mempunyai penguasaan kosa kata dan idea yang terhad khususnya ketika menulis karangan. Semasa pelaksanaan kajian, guru yang mengajar dilengkapi dengan rancangan pelajaran dan bahan-bahan pembelajaran. Rancangan pelajaran dan bahan-bahan pembelajaran telah disiapkan oleh para pengkaji bersama-sama pada tahap perbincangan. Data kajian dikumpulkan oleh para pengkaji berdasarkan sesi pemantauan di bilik darjah dan rakaman video. Data ini kemudian dianalisis sebagai dapatan.

### **Instrumen Kajian**

Kajian yang dijalankan berbentuk kajian tindakan. Setelah pengkaji berbincang dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, pengkaji bersepakat untuk menggunakan iPad dan aplikasi *Nearpod* kerana kelebihan yang terdapat pada peralatan-peralatan ini dalam menangani masalah yang ada.



Idea dan bahan pengajaran karangan yang sedia ada telah diguna pakai kerana kesediaan bahan-bahan tersebut dan keberkesanannya. Pengkaji beranggapan terdapat keperluan untuk menyuntik keseronokan dalam pembelajaran agar murid terdorong dan terangsang untuk lebih berminat dalam menulis karangan. Dengan penggunaan iPad dan aplikasi *Nearpod* ini, murid dengan ghairah mengikuti dan menerima pelajaran kerana berasa seronok diberi peluang menggunakan peralatan ICT dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan.


Semua aktiviti dijalankan menggunakan aplikasi *Nearpod* kerana kelebihan yang disediakan oleh aplikasi tersebut. Pengkaji juga mendapati aplikasi ini mampu meningkatkan kemahiran menulis murid kerana penilaian dan maklum balas guru diberikan secara langsung dan ini memudahkan murid untuk mengenal pasti dan memperbaiki kesilapan mereka dengan segera.

### **Prosedur Kajian**

Setelah setiap murid menerima iPad masing-masing, murid diberi kata laluan untuk memulakan pelajaran pada hari itu. Slaid pengajaran semuanya terdapat dalam aplikasi *Nearpod* dan terpapar pada skrin murid. Pengajaran diteruskan dengan mengikuti setiap slaid yang telah disediakan.

Murid diberi penerangan mengenai objektif yang hendak dicapai pada awal pembelajaran. Ini amatlah penting kerana murid perlu tahu apa yang akan mereka pelajari semasa sesi itu. Objektif yang jelas membantu murid dan guru fokus dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Objektif yang jelas juga membantu murid memahami dan menilai pembelajaran mereka untuk memastikan bahawa mereka telah mencapai objektif tersebut pada akhir pelajaran.

Sebagai induksi, murid ditunjukkan VR untuk menarik minat mereka. VR memberi pengalaman yang berbeza kepada murid. Mereka dapat melihat ilustrasi dalam sekitaran 360°. Hal ini memberikan pengalaman baharu kepada murid. Murid dapat bertanyakan soalan dan menceritakan pengalaman mereka mengenai perkara-perkara yang dipaparkan. Guru boleh mencatatkan kosa kata yang mereka sarankan. Murid amat ghairah dan tidak sabar hendak memberikan kosa kata dan idea yang mereka lihat melalui VR. Secara tidak langsung, murid mampu mengaktifkan pemikiran mereka.



Murid kemudiannya diberi peluang untuk meramal dan melukiskan kejadian yang akan digunakan sebagai penutup cerita mereka. Mereka digalakkan untuk memberikan pendapat berdasarkan gambar yang diberi. Murid yang kurang pengetahuan bahasa mahupun yang agak pendiam mendapat peluang menyatakan pendapat mereka melalui lukisan tersebut. Murid lain juga mendapat idea daripada rakan-rakan mereka semasa penerangan lukisan dijalankan.

Aktiviti ini menjadi kegemaran murid kerana mereka dapat melukis dan mewarnakan gambar mengikut kreativiti mereka. Dengan meramal, mereka secara tidak langsung berfikir mengenai jalan cerita yang bakal mereka tulis. Aktiviti ini juga menggalakkan murid mengutarakan pendapat mereka secara lisan. Pada sesi ini, murid juga dilihat lebih fokus dengan tugas dan sentiasa berfikir untuk mengesahkan ramalan. Strategi ini juga membantu murid menghubungkaitkan pengalaman mereka. Oleh sebab aktiviti ini membolehkan murid melihat lukisan rakan yang lain, murid dapat menggunakan idea yang ada dan memperdalam pengetahuan mereka. Terdapat juga ruang untuk perbincangan dan bertukar-tukar pendapat bagi menggalakkan murid belajar secara kolaboratif.

Pelajaran diteruskan dengan proses mengimbas kembali teknik-teknik penulisan yang telah diajarkan. Dengan cara ini, murid dapat memperkukuh kemahiran menulis dengan penggunaan teknik yang diajar. Murid juga dapat merancang dan menyusun idea atau jalan cerita bagi penulisan mereka dengan lebih sistematik. Murid dapat melihat gambaran keseluruhan plot cerita yang dibina dengan lebih jelas dan ini membantu membina keyakinan diri murid untuk melahirkan hasil karya yang baik. Oleh sebab setiap murid diberikan iPad, mereka juga dapat meneliti soalan-soalan pada skrin masing-masing dan cuba melengkapkan tugas yang diberi mengikut tahap kemahiran mereka. Hal ini memudahkan pengajaran kerana guru dapat memberi tumpuan dan bimbingan kepada kumpulan murid yang lemah. Di samping itu, murid yang lebih bijak juga akan dapat memanfaatkan sesi pembelajaran sendiri mereka itu dengan berkesan.

Murid juga digalakkan mengaplikasikan teknik-teknik meramal dan menerangkan gambar bersiri yang diberikan melalui aktiviti bekerjasama. Mereka digalakkan untuk sumbang saran kosa kata atau frasa mengenai gambar yang dipaparkan. Peluang berbincang, melihat dan membaca frasa yang dihantar atau ditulis oleh rakan-rakan menerusi aplikasi *Nearpod* mampu memberikan satu lagi peluang untuk murid belajar bersama rakan sebaya. Murid juga secara tidak



langsung berupaya menambah kosa kata bagi tugas penulisan mereka. Guru akan memilih beberapa kosa kata untuk dibincangkan dan akan menggalakkan murid melakukan perkara yang sama.

Seterusnya, murid mengisikan tempat kosong dalam sebuah perenggan dengan perkataan-perkataan yang diberikan. Guru menunjukkan bagaimana sesebuah perenggan isi ditulis. Murid meneliti contoh penulisan yang ditunjukkan dan berbuat serupa semasa tugas mengarang. Guru kemudiannya membacakan perenggan yang lengkap. Guru mengulangi soalan-soalan yang perlu dijawab bagi melengkapkan bahagian perenggan yang diberikan.


Kemudian murid diberi peluang untuk berbincang dalam kumpulan mengenai gambar yang ditetapkan. Setiap kumpulan perlu menulis beberapa potong ayat mengenai gambar tersebut. Setiap kumpulan hanya perlu memberi fokus pada satu bahagian sahaja. Aktiviti ini memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan teknik penulisan yang telah diajarkan dan menulis perenggan bersama rakan-rakan. Hal ini penting kerana murid dapat berkongsi kekuatan dan membina kemahiran menulis mereka melalui aktiviti berkumpulan ini. Semasa sesi perkongsian, murid dapat meningkatkan kemahiran dan keyakinan berinteraksi dan belajar mengatasi masalah.

Pada akhir pelajaran, guru mengimbas kembali dengan bertanyakan soalan dan memberikan fokus kepada objektif pelajaran yang telah ditetapkan. Murid juga berupaya menilai diri mereka dan melihat sejauh mana mereka telah berjaya mencapai objektif pelajaran tersebut.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Data yang dikumpulkan merupakan markah karangan yang murid raih dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Markah peperiksaan pertengahan tahun merupakan markah sebelum murid menjalani intervensi yakni menerapkan penggunaan *Nearpod* sementara markah peperiksaan akhir tahun ialah markah yang murid perolehi setelah melalui proses pengaplikasian *Nearpod*.

Terdapat peningkatan markah daripada hampir kesemua murid yang menjalani kajian. Peningkatan markah juga amat memberangsangkan. 55% murid mencatatkan peningkatan markah sebanyak 5-7 markah.



Dapatan kajian menunjukkan bahawa 93% murid pula telah mencatatkan peningkatan markah dalam peperiksaan karangan akhir tahun mereka, sementara 7% murid tidak menunjukkan perubahan markah. Dengan pencapaian yang memberangsangkan ini, pengkaji lebih yakin akan keberkesanan penggunaan *Nearpod* dalam pengajaran karangan untuk murid Darjah 3.

Semasa menyemak hasil karangan murid, pengkaji mendapati bahawa murid telah menunjukkan kemampuan untuk menulis karangan yang lengkap dengan jalan cerita dan isi yang tidak berulang. Murid juga berupaya menggunakan semua kosa kata yang diberikan dalam penulisan mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa murid lebih yakin dan kreatif dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan kemahiran menulis karangan.

## KESIMPULAN

Guru-guru mendapati bahawa aplikasi *Nearpod* dapat digunakan secara meluas dan meliputi pelbagai kemahiran. Guru-guru telah mencuba aplikasi ini dalam pelbagai peringkat yang lain dalam usaha untuk membantu murid meningkatkan pengetahuan bahasa mereka. Pelajaran menggunakan aplikasi *Nearpod* telah juga diperkenalkan kepada murid Darjah 1, 2, 4 dan 6. Beberapa orang guru telah mencuba penggunaan *Nearpod* dalam pengajaran aspek ejaan dan lisan. Aplikasi ini terbukti dapat memenuhi keperluan murid dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah lebih menyeronokkan.

Namun, seperti aplikasi yang lainnya, aplikasi *Nearpod* ini juga menimbulkan beberapa cabaran. Contohnya, aplikasi percuma yang digunakan hanya membolehkan guru menggunakan beberapa fungsi yang tersedia. Guru perlu melanggan aplikasi itu sebelum berupaya menggunakan fungsi aplikasi sepenuhnya.

Guru dan murid juga harus bersabar kerana kadang-kala, talian Internet yang terputus-putus mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru juga harus mengubah cara pengajaran yang sehala dan perlu menggalakkan interaksi dalam kalangan murid. Murid ternyata lebih fokus dan terarah apabila diberi peluang melakukan pembelajaran sendiri melalui penggunaan *Nearpod*.

Hakikatnya, guru amat berpuas hati dengan kajian yang dijalankan kerana ia telah dapat meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan karangan mereka.





Guru yang turut menjalankan kajian ini:

1. Cg Asmidah Mohd Jailani

## RUJUKAN

Ceri, B. Dean, Hubbell, E. Ross, Pitler, H & Stone, BJ. (2012)  
*Classroom Instruction That Works*. ASCD, Alexandria: VA

Dies, M. E., and Moon, J. C. (1992). What do we want students to know? and other important questions. *Educational Leadership*, 38-41.

Johnson, D.W. and R.T. Johnson. (1991) *Learning together and alone*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall

Larson, L. C. (2010). Digital readers: The next chapter in e-book reading and response. *The Reading Teacher*, 64(1), 15-22.

McClanahan, B., Williams, K., Kennedy, E., & Tate, S. (2012). How use of an iPad facilitated reading improvement. *TechTrends: Linking Research & Practice to Improve Learning*, 56(3), 20-28.

